



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### LAPORAN SURVEI MIGRASI, MALAYSIA, 2022

---

#### **Survei Migrasi 2022 merekodkan 47.3 peratus bermigrasi kerana mengikut keluarga**

**PUTRAJAYA, 17 OGOS 2023** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan statistik **Laporan Survei Migrasi, Malaysia, 2022** hari ini. Laporan ini memaparkan statistik migrasi penduduk yang berkaitan dengan kadar migrasi, migrasi dalaman dan antarabangsa. Survei Migrasi 2022 telah dijalankan pada 2022 bagi tempoh rujukan 2021 hingga 2022. Laporan ini menyediakan statistik mengenai migrasi di peringkat negeri mengikut ciri demografi dan sosioekonomi termasuk jantina, kumpulan umur, kumpulan etnik, taraf perkahwinan, pencapaian pendidikan, strata, pekerjaan dan industri. Migran di dalam laporan ini merujuk kepada mereka yang mempunyai tempat kediaman biasa yang berbeza pada dua titik masa dalam tempoh satu tahun. Migran tidak termasuk mereka yang berpindah dalam kawasan yang sama.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kadar migrasi menurun kepada 0.5 peratus pada 2022 berbanding 1.5 peratus pada 2020. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi membendung penularan wabak COVID-19 sehingga separuh pertama tahun 2021 telah mempengaruhi penurunan kadar migrasi dan jumlah migran kepada 158.8 ribu orang pada 2022 daripada 484.1 ribu orang pada 2020. Sementara itu,

komposisi migrasi dalam negeri meningkat kepada 62.3 peratus pada 2022 berbanding 58.4 peratus pada 2020. Sebaliknya, migrasi antara negeri menurun kepada 30.3 peratus (2020: 31.2%) dan migrasi antarabangsa jatuh kepada 7.4 peratus (2020: 10.4%).”

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Migrasi dalam negeri menyumbang 62.3 peratus daripada jumlah migrasi dalaman pada 2022, sementara 30.3 peratus adalah migrasi antara negeri. Tiga negeri mencatatkan peratusan tertinggi migrasi dalam negeri pada 2022 iaitu Johor (91.9%), diikuti Kedah (72.9%) dan Selangor (71.9%). Sementara itu, Negeri Sembilan dan Perlis merekodkan migrasi dalam negeri terendah pada 2022 dengan masing-masing pada 38.0 peratus.”

Migrasi dalam negeri melalui aliran migrasi menunjukkan bahawa migrasi dari bandar ke bandar kekal tinggi pada 79.3 peratus (2020: 73.0%) diikuti bandar ke luar bandar (14.7%), luar bandar ke bandar (2.4%) dan luar bandar ke luar bandar (3.6%). Berdasarkan penemuan, semua negeri mencatatkan pergerakan dari kawasan bandar ke bandar yang lebih tinggi pada 2022. Namun, Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang mencatatkan migrasi dari bandar ke luar bandar yang lebih tinggi pada 41.1 peratus (2020: 10.6%).

Semua negeri merekodkan peningkatan dalam peratusan migrasi antara negeri pada 2022 berbanding 2020 kecuali Johor pada 7.5 peratus (2020: 18.9%), Kedah 27.1 peratus (2020: 43.4%), Selangor 15.0 peratus (2020: 29.4%) dan Sarawak 20.3 peratus (2020: 22.6%).

Selangor mencatatkan pergerakan migran dalaman tertinggi dengan jumlah 29.2 ribu migran masuk. Majoriti migran masuk ke Selangor adalah dari Johor (1.4 ribu orang) dan Kelantan (0.7 ribu orang). Selangor juga merekodkan jumlah migran dalam negeri tertinggi iaitu 26.5 ribu orang, diikuti Johor

(22.4 ribu orang) dan Kedah (7.3 ribu orang). Sementara itu, aliran keluar migran dalaman tertinggi juga direkodkan di Selangor pada 37.2 ribu orang. Majoriti migran keluar berhijrah ke Negeri Sembilan (3.5 ribu orang) dan Kelantan (1.8 ribu orang).

Migrasi antara negeri juga menunjukkan migrasi bersih iaitu perbezaan antara bilangan migran masuk dan migran keluar. Negeri Sembilan merupakan negeri penerima migran tertinggi iaitu meningkat kepada 6.5 ribu orang pada 2022 berbanding 1.5 ribu orang pada 2020. Manakala, Selangor merupakan negeri penghantar migran tertinggi pada tahun 2022 dengan 8.8 ribu orang dan diikuti Johor (6.6 ribu orang).

Ciri-ciri demografi migrasi dalaman menunjukkan bahawa penduduk berumur 25-34 tahun mempunyai kadar migrasi dalaman tertinggi pada 2022 iaitu 0.9 peratus, di mana lelaki 0.8 peratus dan perempuan 0.9 peratus. Sementara itu, penduduk tua (berumur 65 tahun dan lebih) merupakan kumpulan umur yang paling sedikit bermigrasi iaitu 0.1 peratus. Penduduk kumpulan umur 25-34 tahun mendominasi peratusan migrasi dalaman pada 2022 iaitu 33.1 peratus. Ini diikuti dengan kumpulan umur 1-14 tahun (24.2%) dan 15-24 tahun (21.4%). Dari segi jantina, lelaki mendominasi dengan menyumbang 51.3 peratus, manakala 48.7 peratus adalah perempuan.


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Mengikut keluarga kekal sebagai sebab utama migrasi dalaman pada 2022 iaitu 47.3 peratus (2020: 45.3%). Ini diikuti oleh faktor persekitaran (19.3%), kerjaya (18.3%), perkahwinan dan perceraian (5.7%), pendidikan (5.4%) dan lain-lain (3.9%).”

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan *OpenDOSM NextGen* sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. *OpenDOSM NextGen* ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan *MyStats Day* adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust.*”


**Carta 1: Siri masa migrasi, Malaysia, 1991 hingga 2022**



Nota:

Siri masa bagi tahun 2004 – 2006 terputus kerana pindaan susulan perubahan pada frekuensi Survei Migrasi daripada suku tahunan kepada bulanan.

**Carta 2: Peratus migran mengikut negeri destinasi dan taraf migrasi, Malaysia, 2020 dan 2022**




Nota:

<sup>1</sup> Tidak termasuk migrasi dari Malaysia ke negara lain

<sup>a</sup> Tertakluk kepada ralat piawai relatif yang tinggi dan perlu diguna dengan berhati-hati

Data bagi W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya tidak dapat dikeluarkan disebabkan nilai relatif yang tinggi

**Carta 3: Migrasi dalam negeri mengikut aliran migrasi, Malaysia, 2020 dan 2022**



Nota:

<sup>a</sup> Tertakluk kepada ralat piawai relatif yang tinggi dan perlu diguna dengan berhati-hati

Data bagi W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya tidak dapat dikeluarkan disebabkan nilai relatif yang tinggi

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**17 OGOS 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## ***MEDIA STATEMENT***

### ***MIGRATION SURVEY REPORT, MALAYSIA, 2022***

---

***Migration Survey 2022 reported that 47.3 per cent migrated due to following family***

***PUTRAJAYA, 17 AUGUST 2023*** – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the statistics on the ***Migration Survey Report, Malaysia, 2022*** today. This report presents the statistics of the population's migration related to migration rates, internal and international migration. The Migration Survey 2022 was conducted in 2022 for a reference period of 2021 to 2022. The report provides statistics on migration at state level according to demographic and socioeconomic characteristics including sex, age group, ethnic group, marital status, educational attainment, strata, occupation and industry. Migrants in this report refer to those whose usual place of residents is different at two points of time within a period of one year. The migrants do not include those who move within the same locality.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The migration rate decreased to 0.5 per cent in 2022 as compared to 1.5 per cent in 2020. The implementation of the Movement Control Order to curb the spread of the COVID-19 pandemic until the first half of 2021 has influenced the decline in migration rate and the number of migrants to 158.8 thousand persons in 2022 from 484.1 thousand persons in 2020. Meanwhile, intra-state migration



*composition increased to 62.3 per cent in 2022 as compared to 58.4 per cent in 2020. On the contrary, inter-state migration declined to 30.3 per cent (2020: 31.2%) and international migration decreased to 7.4 per cent (2020: 10.4%).”*

*Commenting further, the Chief Statistician of Malaysia said, “Intra-state migration accounted for 62.3 per cent of the total internal migration in 2022, while 30.3 per cent was inter-state migration. The three states that recorded the highest percentage of intra-state migration in 2022 were Johor (91.9%), followed by Kedah (72.9%) and Selangor (71.9%). Meanwhile, Negeri Sembilan and Perlis recorded the lowest intra-state migration in 2022 at 38.0 per cent respectively.”*

*Intra-state migration by migration flow showed that migration from urban to urban remained the highest at 79.3 per cent (2020: 73.0%) followed by urban to rural (14.7%), rural to urban (2.4%) and rural to rural (3.6%). Based on the findings, all states recorded higher movement from urban to urban areas in 2022. Nevertheless, Terengganu was the only state that recorded higher migration from urban to rural at 41.1 per cent (2020: 10.6%).*

*All states recorded an increase in the percentage of inter-state migration in 2022 as against 2020 except for Johor at 7.5 at per cent (2020: 18.9%), Kedah 27.1 per cent (2020: 43.4%), Selangor 15.0 per cent (2020: 29.4%) and Sarawak 20.3 per cent (2020: 22.6%).*

*Selangor recorded the highest movement of internal migrants with a total of 29.2 thousand in-migrants. Most of the in-migrants to Selangor came from Johor (1.4 thousand persons) and Kelantan (0.7 thousand persons). Selangor also recorded the highest number of intra-state migrants at 26.5 thousand persons, followed by Johor (22.4 thousand persons) and Kedah (7.3 thousand persons). Meanwhile, the highest outflow of internal migrants was also recorded in*

*Selangor at 37.2 thousand persons. The majority of out-migrants migrated to Negeri Sembilan (3.5 thousand persons) and Kelantan (1.8 thousand persons).*

*Inter-state migration also showed a net migration which is the difference between the number of in-migrants and out-migrants. Negeri Sembilan was the highest migrants-receiving state which increased to 6.5 thousand persons in 2022 as compared to 1.5 thousand persons in 2020. Meanwhile, Selangor recorded the highest migrants-sending state in 2022 with 8.8 thousand persons and followed by Johor (6.6 thousand persons).*

*The demographic characteristics of internal migrations showed that the population aged 25-34 years has the highest internal migration rate in 2022 at 0.9 per cent, out of which males at 0.8 per cent and females at 0.9 per cent. Meanwhile, the older population (aged 65 and over) was the age group that migrated the least at 0.1 per cent. The population aged 25-34 years dominated the percentage of internal migration in 2022 at 33.1 per cent. This was followed by the age group of 1-14 years (24.2%) and 15-24 years (21.4%). In terms of sex, males dominated by contributing 51.3 per cent, while 48.7 per cent were females.*


*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "Following family remained as the main reason for internal migration in 2022 at 47.3 per cent (2020: 45.3%). This was followed by reasons for environment (19.3%), career (18.3%), marriage and divorce (5.7%), education (5.4%) and others (3.9%)."*

*DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.myportal>.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust.”*


**Chart 1: Time series of migration, Malaysia, 1991 - 2022**



Note:

Break time series of 2004-2006 due to adjusted following changes in the frequency of Migration Survey from quarterly to monthly

**Chart 2: Percentage of migrants by state of destination and migration status, Malaysia, 2020 and 2022**




Notes:

<sup>1</sup> Exclude migrants from Malaysia to other countries

<sup>a</sup> Subject to a high RSE and should be used with caution

Data for W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya could not be released due to high RSE values

**Chart 3: Intra-state migrants by migration flow, Malaysia, 2020 and 2022**



Notes:

<sup>a</sup> Subject to a high RSE and should be used with caution

Data for W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya could not be released due to high RSE values

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**17 AUGUST 2023**